

**UCAPTAMA PERASMIAN YANG BERHORMAT TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT, TIMBALAN KETUA MENTERI DAN MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SABAH SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KHAS “THE LOST DAN FORGOTTEN MEGALITHIC CULTURE OF SABAH” ATAU “BUDAYA MEGALITIK SABAH, KIAN PUPUS DAN DILUPAI” PADA 17HB MAC 2005 , JAM 9.30 PAGI DI FOYER RUANG PAMERAN UTAMA, BANGUNAN UTAMA, KOMPLEKS MUZIUM SABAH  
(AKAN DISAMPAIKAN OLEH ENCIK ISNIN HAJI ALIASNIH, SETIAUSAHA POLITIK KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR)**

---

Salam Sejahtera, Selamat Pagi dan Selamat Datang ke Majlis Perasmian Pameran Khas “THE LOST AND FORGOTTEN MEGALITHIC CULTURE OF SABAH” atau “BUDAYA MEGALITIK SABAH, KIAN PUPUS DAN DILUPAI” pada pagi yang mulia dan ceria ini.

Pertamanya, marilah kita bersyukur ke Hadrat Ilahi Yang Maha Esa lagi Penyayang dan lagi Maha Mengasihani kerana dengan limpah berkat dan kurniaNya jua dapat kita bersama-sama pada majlis pagi yang mulia ini dalam suasana aman, damai makmur dan sejahtera.

Syabas dan tahniah saya ucapkan atas kehadiran Datuk-Datuk, Tuan-Tuan, Puan-puan para hadirin hadirat sekalian dan saya berharap kita akan sama-sama mendapatkan manfaat daripada kehadiran serta kunjungan kita ke pameran khas ini pada pagi yang bersejarah ini.

Sabah, negeri di bawah bayu ini amat kaya dengan pelbagai budaya, seni maupun tradisi. Selain kita kaya dengan adat sopan, budi bahasa maupun aset khazanah warisan pusaka *intangible* turun temurun nenek moyang, Kita juga amat bertuah kerana tinggalan-tinggalan budaya tradisi lama seperti budaya megalitik yang dipamerkan pada pagi hari ini masih wujud meskipun adat istiadat serta tradisi budaya ini kian pupus dan dilupai.

Apa itu megalit dan apa pula budaya megalit? Perkataan megalit ini berasal dari bahasa Greek. *Mega* bererti besar dan *lith* itu bermakna batu. Maka budaya megalitik adalah budaya istimewa yang berasaskan kepenggunaan batu-batuan semulajadi. Melalui peredaran masa, interaksi manusia dengan alam semulajadi telah menjadi lebih mendalam, intim dan mantap sehingga berlakunya transformasi penyembahan serta kepenggunaan alam batuan dalam adat istiadat serta tradisi masyarakat tempatan. Mengikut kesesuaian serta peredaran masa dan tren, budaya serta sejarah megalit turut berubah kepada penggunaan kayu-kayan jenis keras yang juga tahan lama tetapi mudah diangkut atau dialihkan sebagai alternatif kepada batuan.

Perubahan cara hidup serta tren moden masakini telah merobah suasana kepenggunaan megalit. Masyarakat moden kini tidak lagi begitu peka akan kepentingan budaya megalit ini. Maka budaya ini kini kian meruncing, kian dilupakan dan sedang menghadapi ancaman kepupusan. Generasi baru telah mula melupai akan kepentingan budaya ini yang merupakan acuan asas yang telah mencorakkan adat istiadat serta tradisi budaya masyarakat masakini. Malah mereka tertanya-tanya akan kewujudan struktur megalit yang terpacak dengan indah dan megahnya ditengah-tengah sawah padi, tepi laluan awam maupun di tempat-tempat yang tertentu. Sejarah kepenggunaan megalit semakin hari semakin dilupakan.

Keindahan serta keunikan adat istiadat serta tradisi budaya megalit inilah yang telah menjadi asas kepada pameran khas ini diadakan dan diwar-warkan kepada umum, agar sejarah budaya megalit ini tidak mudah dilupai dan diketepikan oleh masyarakat serta generasi masakini. Sebagai asas kewujudan budaya kontemporari masakini maka adalah perlu aset khazanah warisan pusaka turun temurun diabadi, dijaga serta dipelihara agar ia tidak pupus ditelan zaman serta tren kehidupan moden masakini.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan Para hadirin hadirat sekalian yang dihormati,

Pada dasarnya, budaya megalit pada masa lampau telah dan pernah dipuja dan diangkat dan dimajukan oleh masyarakat tempatan khususnya di kalangan masyarakat Kadazandusun dan Murut, Masyarakat Bajau serta Brunei. Kepenggunaan batuan dalam budaya megalit ini mempunyai pelbagai hasrat dan tujuan. Batuan saiz sederhana digunakan sebagai batu asas untuk menunjukkan persempadanan tanah, melambangkan keamanan, sebagai komitmen mempereratkan persaudaraan, memperingati sesuatu peristiwa maupun sebagai simbol kepahlawanan.

Dalam setiap pengangkatan batu asas ini, pelbagai upacara ritual mahupun upacara perjanjian berbentuk perjanjian mahupun sumpahan diadakan bagi memperkukuhkan kesignifikanan (*significant*) acara adat istiadat maupun tradisi budaya megalit ini. Dalam hal ini, sesiapa yang akan melanggar kesucian perjanjian ataupun akuan bersumpah ini akan membayar "**sogit**" atau denda dan kalau tidak menunaikan perjanjian ini mereka yang terlibat akan menerima bala mahupun bencana dan kecelakaan. Namun pada masakini, upacara serta perjanjian seumpama ini tidak lagi begitu diendah dan dipedulikan. Malahan perjanjian suci itu hanya menjadi perjanjian biasa yang sentiasa dilanggar mahupun dipecahkan dan diubah berulang-ulang kali sehingga perjanjian itu telah menjadi tawar dan tidak bermakna lagi.

Pada zaman dahulukala, budaya megalit ini mencerminkan budaya asli tempatan yang kukuh dan menjadi anutan setiap masyarakat tempatan. Dalam hal perihal melibatkan perjanjian tanah misalnya, sebuah batu asas kecil mahupun besar, bergantung kepada betapa besarnya pertelingkahan konflik yang mungkin timbul, akan membabitkan "**sogit**" berbentuk ternakan ayam, babi mahupun kerbau yang akan menjadi simbol penyelesaian konflik ini. Upacara ritual demi ritual yang akan berlangsung sehingga selang seminggu maupun sebulan akan dilangsung. Dan keseriusan upacara ini telah menjadi darah daging serta akhirnya menjadi budaya asli masyarakat tempatan yang

mengamalkan tradisi ini. Nilai-nilai serta norma-norma budaya tradisi serta adat istiadat mereka ini merupakan asas maupun akar tunjang kepada budaya kita pada masa kini.

Sebenarnya, budaya megalit ini telah mengalami perubahan dan transformasi. Pada masa dahulu, batu-batuan digunakan sebagai petanda persempadanan tanah, namun pada hari ini, ia telah diganti dengan pikit yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur. Pada masa zaman kolonial pihak British telah melihat keajaiban batu asas ini digunakan sebagai titik atau *point* untuk menentukan persempadanan tanah dan mereka telah mengubahsuaikan bahan serta bentuk batuan ini menjadi pikit yang sehingga sekarang digunakan di negara-negara komonwel yang lain yang dijajah oleh pihak Inggeris. Malangnya, sejarah kepemakaian batu asas ini telah tidak diwariskan oleh pihak Inggeris dan mereka mengakui kononnya mereka yang memperkenalkan ide serta teknologi ini. Walhal kepemakaian ini telah berkurun-kurun digunakan dan direkapakai oleh masyarakat Sabah. Kepentingan sejarah inilah sebabnya kita harus mengabadikan budaya megalit ini untuk generasi masa kini serta akan datang.

Seperti yang saya nyatakan tadi, sebenarnya, budaya megalit ini bukan sahaja setakat digunakan sebagai tanda persempadanan semata-mata tetapi banyak lagi kegunaan yang lain seperti tanda status kegagahan dan kepahlawanan, ia juga sebagai tanda memperingati sesebuah peristiwa penting seperti mengeratkan persaudaraan serta persahabatan dan banyak lagi.

Atas dasar kepentingan ini, maka di sini, saya menyeru kepada masyarakat tempatan yang masih mempunyai struktur batuan asas unik ini di tanah-tanah milik pusaka mereka untuk terus membantu menjaga struktur-struktur ini.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Muzium Sabah telah, sedang dan akan mengenalpasti batuan-batuan asas budaya ini untuk digazetkan sebagai aset khazanah warisan budaya dan sejarah dan saya berharap para pemilik batuan asas ini akan dapat membantu muzium dalam perkara ini.

Saya juga difahamkan terdapat 133 buah batuan asas ini di Pantai Barat sahaja iaitu dari Tenghilan hingga ke Papar. Bahan produk yang tersergam indah dan kukuh ini apabila dijaga, dipelihara dan dipulihara boleh digunakan sebagai produk pelancongan yang mampu menarik perhatian pelancong dalam dan luar negeri. Prospek "*spin-offs*" program serta aktiviti pelancongan budaya ini akan mampu membantu masyarakat menjaga ekonomi di kawasan masing-masing.

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan, Puan-Puan para hadirin hadirat sekalian,

Adalah menjadi hasrat serta dasar Kerajaan melalui Kementerian saya, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, untuk membantu menjaga, memelihara serta mengabadikan ikon-ikon budaya tempatan termasuk budaya dan sejarah megalit di Sabah ini bagi maksud pengabdian serta manfaat generasi serta masyarakat masakini dan akan datang. Di samping itu juga mempromosi dan memasarkan produk yang tidak ternilai ini sebagai produk asas pelancongan. Aset khazanah warisan budaya

megalit ini adalah salah satu lagi produk baru yang boleh kita majukan sebagai produk pelancongan berasaskan kebudayaan.

Justeru, marilah kita bersama-sama bekerjasama dan berusaha untuk memajukan program dan aktiviti pelancongan ini sesuai dengan hasrat dan wawasan halatuju kerajaan yang ingin melihat rakyat pelbagai kaum untuk bersama-sama duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi, maju berdaya saing dalam memajukan diri dan menjana ekonomi bagi memajukan keluarga mereka. Mudah-mudahan kita akan bersama-sama dapat mengecapi dan menghayati kemajuan ini.

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan, Puan-Puan para hadirin hadirat sekalian,

Seperti yang dinyatakan oleh Pengarah Muzium Sabah tadi Pameran Khas ini akan diperagakan bermula hari ini 17hb Mac hingga 18hb. April 2005. Dan dalam kesempatan ini saya ingin menyeru kepada masyarakat umum agar dapat kiranya meluangkan masa untuk mengunjungi pameran khas bersama keluarga serta sahabat-handai ini agar tujuan serta objektif pameran khas ini dapat dicapai dan dikecapi bersama. Tujuan pameran ini didirikan adalah untuk:

Pertama: Mengetengahkan ikon budaya masa lampau yang disembah dan dihormati melalui kepenggunaan megalit;

Kedua: Memperkenalkan fungsi serta kepentingan adat istiadat serta tradisi yang berkait rapat dengan budaya megalit; dan

Ketiga: Mempupuk kesedaran akan keunikan budaya megalit ini yang kian pupus kepada pengunjung awam.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Para Hadirin Hadirat yang dimuliakan.

Pada kesempatan ini juga, saya turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Kerja Pameran Khas "*THE LOST AND FORGOTTEN MEGALITHIC CULTURE*" atas daya usaha mereka mengadakan pameran serta penganjuran majlis pada pagi yang mulia ini.

Saya turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah turut terlibat membantu secara langsung dan tidak langsung menjayakan pameran kita pada pagi hari ini.

Dengan kata-kata sedemikian, saya dengan penuh takzim dan sukacitanya merasmikan Pameran Khas "*THE LOST AND FORGOTTEN MEGALITHIC CULTURE OF SABAH*" ini.

Sekian dan terima kasih.